



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 75
No. 11

17hb Mac 2022

*TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN*

N.S. P.U. 6.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003**

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

**AJARAN ILMU SYAHADAH DAN ZIKIR NAFAS OLEH ISMAIL BIN KASSIM
DARIPADA PERTUBUHAN RAHMATAN LIL ALAMIN (PERAHMAT)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa ajaran ilmu syahadah dan zikir nafas yang dibawa oleh Ismail bin Kassim daripada Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) adalah bercanggah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Ilmu Syahadah yang dibawa oleh Ismail bin Kassim ialah ilmu penyaksian roh yang sedang bersyahadah manakala zikir nafas pula ialah mengisi nafas dengan zikir *la ila ha illallah* (لا إله إلا الله).
2. Ciri-ciri percanggahan dan pertentangan ajaran ilmu syahadah dan zikir nafas oleh Ismail bin Kassim adalah seperti yang berikut:
 - (a) terbatal kesemua rukun Islam sekiranya tidak mempelajari Ilmu Syahadah yang dibawa oleh Ismail bin Kassim;

-
- (b) tuntutan mencari penyaksi di alam arwah;
 - (c) wajib mempelajari zikir nafas kerana tiada cara lain untuk mencari Allah kecuali melaluinya;
 - (d) amalan zikir nafas yang di bawa oleh Ismail bin Kassim adalah sabit melalui al-Quran dan mengingkarinya bermakna syak terhadap ayat al-Quran;
 - (e) amalan Zikir Nafas dianggap sebagai kunci kepada lima perkara iaitu —
 - (i) mengenal Allah;
 - (ii) menyaksi *ilah*;
 - (iii) menikmati setiap gerak geri *ilah*;
 - (iv) merasai peredaran nafas dengan *ilah*; dan
 - (v) menghayati kuasa *ilah*.
 - (f) mentakwil ayat-ayat al-Quran secara batil;
 - (g) kaedah penafsiran al-Quran (usul tafsir) yang menyeleweng;
 - (h) berpegang kepada hadith palsu; dan
 - (i) menghormati guru dengan cara yang melampau (*ghuluw*). Peraturan yang wajib dipatuhi oleh murid kepada Ismail bin Kassim selaku guru atau sheikh seperti yang berikut:
 - (i) sesiapa yang hendak bersalaman dengan Ismail bin Kassim wajib mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru dianggap membawa al-Quran yang hidup;
 - (ii) setiap murid berkeadaan yakin bahawa guru dapat mengesan ketaatan murid atas izin Allah S.W.T.;
 - (iii) setiap murid jangan menderhaka kepada guru atas amanah-amanahnya;
 - (iv) setiap murid jangan ada sangkaan bahawa guru tidak mengetahui kelakuan dan perbuatan mereka;

- (v) setiap murid jangan meragui atau membantah di hadapan guru atau di belakangnya kerana guru hanya mengajar ilmu kalimah *la ila ha illallah*; dan
 - (vi) setiap murid jangan sekali-kali melanggar peraturan di atas, kelak akan terjerumus ke dalam kecelakaan dan kebinasaan.
3. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan memutuskan mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—
- (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut ajaran ilmu syahadah dan zikir nafas oleh Ismail bin Kassim daripada Pertubuhan Rahmatan Lil-Alamin (PERAHMAT);
 - (b) mengajar, menyebarkan, membantu, menganjur, mempromosi ajaran atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan ajaran ilmu syahadah dan zikir nafas oleh Ismail bin Kassim daripada Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT); atau
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan ajaran ilmu syahadah dan zikir nafas yang dibawa oleh Ismail bin Kassim daripada Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT).
4. Mana-mana orang Islam adalah dilarang daripada bersubahat dalam melakukan mana-mana perkara yang dilarang dalam perenggan 3 selaras dengan peruntukan kesalahan subahat di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.
5. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan ajaran ilmu syahadah dan zikir nafas yang dibawa oleh Ismail bin Kassim adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 25 Februari 2022

[JMKNN.S.BPK.100-32/1; PUNS 100/2/4 Jld. 2 ()]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan